

Bergurukan skrin



DUNIA
BAHARU 2022
DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Ketika berusia sekitar 10 atau 11 tahun, entah bagaimana tiba-tiba timbul soalan di fikiran saya; berapakah kelajuan Apollo 11 yang membawa Neil Armstrong dan rakan-rakannya ke bulan? Saya bertanya pada guru, dia suruh saya cari jawapannya sendiri. Baguslah, dia ajar saya 'berdikari'.

Saya cuba mencari jawapannya dengan menyelongkar buku-buku dan majalah-majalah yang ada di rumah. Tiada. Saya cuba mencarinya di perpustakaan kecil di sekolah kami. Pun tiada.

Akhirnya lama-kelamaan soalan itu hilang dari fikiran saya.

Tiga empat tahun kemudian, ketika jatuh cinta buat pertama kalinya pada Lydia Kandou, bintang Indonesia yang popular pada masa itu, saya teringin sangat hendak mengetahui apakah tingginya sepadan dengan saya. Banyak majalah hiburan yang saya belek, banyak rencana mengenainya saya baca, tetapi saya gagal menemui walau satu

pun catatan tentang ketinggiannya. Akhirnya saya putus asa dan melupakan sahaja tentang perkara itu walaupun tak pernah melupakan namanya sehingga saya temui cinta kedua – Brooke Shields.

Baru-baru ini, dalam kesibukan ber-ceramah, entah bagaimana saya teringat kembali soalan mengenai kelajuan Apollo 11. Maka segeralah saya meng-'google', dan belumpun sempat mata berkecip, jawapannya terus muncul.

Saya juga teringat tentang Lydia dan tanda tanya saya tentang ketinggiannya. Walaupun hati saya kini tidak lagi bersamanya, tetapi saya 'google' juga sekadar untuk memuaskan hati. 1.67 meter. Padan dengan saya.

Demikianlah mudahnya kehidupan zaman sekarang. Kehadiran enjin carian seperti Google menyebabkan kita seolah-olah tidak lagi boleh menjawab 'tidak tahu' tentang apa juga perkara, sebaliknya boleh berlagak sebagai 'serba tahu' mengenai semua perkara.

Malah kalau rajin menggali ilmu, kita juga boleh menjadi serba pandai. Sebagai contoh, saya mempunyai seorang kawan yang tahap kejahilannya dengan hal ehwal dapur tidak ada tolok bandingan.

Kebolehan hanya setakat menjerang air dan merendam mi segera. Tetapi apabila berkunjung ke rumahnya baru-baru ini, di mana saya disajikan

dengan pelbagai jenis makanan yang sedap-sedap, saya tergamam apabila isterinya memberitahu semua makanan itu kawan saya yang masak.

"Dia belajar dari YouTube," kata isterinya, seorang guru zumba yang mendapat pendidikan asas mengenai tarian itu secara atas talian.

"Anak kami pun belajar membaiki kenderaan melalui media sosial, sekarang dia sudah ada dua buah bengkel," si bapa mencelah.

Berdasarkan contoh-contoh itu, nikmat apa lagi yang hendak kita dustakan?

Hanya mereka yang pernah melalui sahaja yang tahu betapa sukarnya hendak mencari ilmu pada masa dahulu. Tidak perlulah jadikan kisah Hang Tuah Lima Bersaudara meredah hutan mencari gua tempat Sang Adi Putra bertapa atau riwayat ulama tersohor Nusantara Sheikh Daud al-Fatani yang berguru di Aceh selama dua tahun, kemudian berguru lagi di Makkah selama tiga puluh tahun, sebagai contoh. Ambil sahaja contoh yang dekat-dekat. Yang terjadi tiga empat dekad yang lalu.

Pada masa itu masalahnya bukan sahaja tentang wang ringgit untuk membayar yuran, tetapi juga tentang tempat dan kemudahan pembelajaran. Pernah sampai ke telinga saya kisah sebuah kelas komputer di sebuah pekan entah berantah yang hanya mempunyai tiga unit *desktop* sedangkan pelajarannya 20

orang. Itu belum lagi dicampur kisah pelajar kelas Bahasa Inggeris hujung minggu yang terpaksa berhenti separuh jalan kerana tidak mampu membayar yuran RM10 sebulan dan kisah orang mengikuti 'kursus' kewartawanan secara pos, yang hanya menerima panduan menulis berita berbentuk stensilan.

Bagi sebahagian orang, salah satu cara menimba ilmu pada masa itu adalah dengan bekerja, sama ada secara sambilan atau tetap, tanpa gaji atau dengan gaji yang rendah. Yang mencuri-curi belajar dengan memerhati cara orang lain melakukan sesuatu pun ramai.

Semua kesukaran itu tidak ada lagi sekarang. Yang menjadi garis pemisah antara mahu mencari ilmu atau tidak hanyalah rajin dan malas. Untuk mereka yang rajin, sumber ilmu yang ada tidak terhitung dan tiada pula batas sempadannya.

Sebab itulah sekarang ini jangan terkejut jika anda mendapati ada orang biasa-biasa yang darjah kepandaiannya mengatasi para sarjana. Jangan juga hairan kalau kaki sabung ayam dan pakar laga ikan di kampung anda tiba-tiba menjadi ustaz dengan beribu pengikut di TikTok...#dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai seorang setiausaha politik dan juga bekas wakil rakyat.*

Mari kita selamatkan dia



MAAF
CAKAP
NORDEN MOHAMED

Mulanya, kita dilahirkan sebagai bayi yang tidak berdaya. Kita tidak tahu apa yang berlaku di sekeliling. Dari alam rahim yang sempit, kita lahir ke alam dunia yang luas. Lalu kita berasa bingung dan takut sendirian. Lantas kita menangis.

Ibulah yang membelai dan menyukan puting susu buat penghilang dahaga. Hari berganti minggu, berganti bulan dan kita membesar. Ibu, bapa dan mereka di sekeliling mendidik kita. Kesemuanya mahu kita membesar menjadi insan yang baik. Dan mereka melarang kita berbuat yang jahat. Kita mula faham galakan dan larangan mereka bila kita mummayiz.

Dunia sentiasa adil bila mengajar kita susah dan senang, mengilmukan kita hingga menjadi pandai dalam banyak bidang tetapi bodoh dalam hal-hal yang baharu atau yang kita tidak mengerti. Kita mengalami hidup sebagai insan yang kaya; kaya harta, kaya jiwa serta kaya

ilmu. ALLAH Yang Adil memberi juga kita pengalaman miskin harta, jiwa dan ilmu.

Dalam meniti kehidupan, kita belajar apa yang baik, mulia dan terpuji. Kita juga belajar tentang kejahatan, kehinaan dan kekejian. Pendek kata, kita banyak lakukan apa yang mendatangkan pahala dan juga yang mengakibatkan dosa.

Di sepanjang hayat, kebaikan kita naik dan turun seperti juga iman kita. Kita meninggalkan kebaikan bila tergelincir ke lembah kejahatan. Akhirnya kita bertaubat dan kembali semula ke pangkal jalan. Positif dan negatif yang kita lalui itu silih berganti. Kita tempuhi segalanya sama ada di zaman kanak-kanak, remaja maupun dewasa.

Tatkala kita berada dalam keadaan positif dikelilingi kemewahan dan kehebatan, kita tidak mahu ia pergi. Lalu kita mempertahankannya dengan apa cara sekali pun. Ada yang kekal berpaut di alam yang indah-indah itu dengan cara yang bersih menurut peraturan, undang-undang dan hukum agama.

Namun ada juga yang cuba mengekal, malah menambah kemewahan dan kehebatan itu dengan cara-cara yang melanggar adat, undang-undang mahu pun hukum agama. Ada yang tidak peduli apa yang akan jadi pada orang lain, asalkan dapat melepas diri dengan memijak orang

dan memakan kawan dalam usaha memanjat tangga impian. Semuanya dilakukan tanpa merenung dan membayangi apa yang akan dihadapi di hari muka, bila berdepan dengan ALLAH yang murka.

Dalam pada itu, ada juga yang menerima nasib yang suram dan kelam di dunia ini. Beruntunglah seandainya kita sentiasa sabar dan tenang menerima ketentuan-NYA sebagai ujian kehidupan di dunia agar ringan timbangan pada hari pembalasan.

Tetapi alangkah rugi seandainya kita yang malang di dunia, gelap juga di kemudian hari sekiranya segala buruk yang terjadi di dunia ini dibiarkan tanpa usaha membela diri sendiri. Benar, begitulah arus kehidupan. Namun kita tidak boleh biarkan diri hanyut, tenggelam dan lemas di dasar neraka dunia.

Bila kita berdepan pada segala kebaikan dan kemajuan, kita berasa beruntung dan ingin terus mengenggamnya. Tetapi apabila menerima semua keburukan dan kehinaan, naluri kita sendiri mendesak kita meninggalkannya.

Jika diri kita punyai kehendak kepada kebaikan, begitulah juga orang lain. Mereka juga seperti kita yang mahukan segala kebahagiaan buat diri semestelah hayat masih ada. Mereka mendambakan kesucian seperti bayi yang lahir, men-

jelang hari mereka menutup mata.

Jadi, usah tinggalkan mereka yang kita tahu sudah menjadi manusia yang jahat lagi berdosa. Usah pula mencemuh dan mencerca mereka tanpa memberi peluang mereka kembali menjadi manusia yang baik.

Entah, entah ketika mereka baik, mereka jauh lebih baik daripada kita. Bila mereka jahat, jahat mereka pun tidak sejahat kita. Mereka juga pernah merasai kebahagiaan menjadi insan yang kamil. Dan, mereka boleh jadi orang baik semula. Cuma, mereka terlupa dan alpa.

Barangkali mereka sesat dan tidak nampak jalan pulang. Jika begitu, sudah menjadi tanggungjawab kita untuk mengupah hampiri, menasihati dan jika perlu memapah dan menarik mereka agar tidak lemas di lautan noda.

Renungkan dan ingatlah. Batin insan yang jahat dan sesat itu sentiasa menjerit dan meraung pinta diselamatkan. Hampirlah hati dan dengarlah degupan jantungnya yang masih berzikir. Bayangkan bagaimana sekiranya insan itu adalah diri kita dan tiada sesiapa pun yang mahu datang menolong?

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*